

Kes denggi, Chikungunya meningkat minggu lalu

KOSMO 26/3/09 M/S 10

PUTRAJAYA – Jumlah kes demam denggi dan Chikungunya menunjukkan peningkatan pada minggu ke-11 tahun ini (15 hingga 21 Mac) berbanding pada minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Mohd. Ismail Merican berkata, bagi denggi, sejumlah 1,029 kes dengan dua kematian, masing-masing satu di Selangor dan Negeri Sembilan, dilaporkan pada minggu tersebut dengan peningkatan 4.1 peratus berbanding minggu sebelumnya manakala Chikungunya mencatatkan 36 kes berbanding 23 kes, meningkat 57 peratus.

“Tujuh negeri yang menunjukkan peningkatan kes denggi yang ketara ialah Labuan (400 peratus), Kedah (183), Perlis (150), Negeri Sembilan (112), Johor (48), Sabah (26) dan Kuala Lumpur-Putrajaya (14),” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata, Selangor masih belum menunjukkan penurunan kes yang ketara, menyumbang sebanyak 59 peratus daripada keseluruhan kes denggi yang dilaporkan.

Tambahnya, sejumlah 27 “kawasan panas” baru dilaporkan pada minggu yang sama dan hanya 11



PENYEMBURAN asap dilakukan untuk mematikan jentik-jentik di belukar dalam operasi cegah denggi. - Gambar hiasan.

lokalti bebas “kawasan panas”, menjadikan keseluruhan meningkat daripada 64 pada minggu sebelumnya kepada 80 lokalti dengan 93 peratus lokalti itu terletak di Selangor.

Ismail berkata, bagi kes Chikungunya, jumlah terkumpul kes tersebut pada tahun ini ialah 1,071 kes dan

tiada kematian dilaporkan.

Katanya, prestasi aktiviti gotong-royong tidak mencapai sasaran yang ditetapkan kerana penyertaan masyarakat yang kurang memuaskan apabila hanya 60 aktiviti berkenaan dapat dijalankan walaupun sebanyak 102 aktiviti disasarkan.